

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/1998**

### **PENARIKAN BALIK PENGENAAN LEVI BAGI PEROLEHAN OLEH WARGANEGARA / SYARIKAT ASING – PINDAAN KANUN TANAH NEGARA (KTN ) SEK. 14 / (1)(G) DAN BAHAGIAN 33A**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah tentang Penarikan Balik Pengenaan Levi bagi perolehan tanah oleh warganegara / syarikat asing bagaimana Kertas Bilangan 12/400/98 bertarikh 1hb.Julai, 1998.

2. Pada 5hb. Jun, 1996 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju meminda kaedah-kaedah tanah Kelantan dengan memasukkan peruntukan yang memberi kuasa mengutip bayaran levi daripada warganegara/syarikat asing selaras dengan pindaan dalam Kanun Tanah Negara Seksyen 14 ( I ) ( G ) yang telah berkuatkuasa mulai 16hb. Februari 1996. Menerusi pindaan tersebut levi RM100,00.00 boleh dipungut bagi setiap satu perolehan hartanah oleh warganegara / syarikat asing dengan had pembelian hanya ke atas hartanah yang bernilai RM250,000.00 keatas sahaja.

3. Namun demikian Kementerian dan Pembangunan Koperasi dalam suratnya KTPK (5) 07/11/3/20 Jld.(34) bertarikh 24hb. Februari, 1998 telah memaklumkan bahawa Majlis Tanah Negara telah membuat keputusan secara edaran untuk meluluskan cadangan pelaksanaan penarikan balik pengenaan levi ke atas perolehan hartanah oleh warganegara/syarikat asing.

4. Walaupun levi tidak dikenakan, tuan boleh mengenakan premium dengan kadar yang munasabah untuk diangkat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah pengesyoran Pentadbir Tanah.

5. Dengan demikian mulai tarikh surat ini, semua Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi Pekeliling ini dengan tidak mengenakan levi bagi perolehan tanah oleh warganegara/syarikat asing dan mengenakan premium seperti di perenggan (4).

**t.t**

**( Md. Yusof Bin Noh )**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADA:**

YABrs.Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, (Kerajaan Tempatan) .
8. YBrs. Semua Penolong Pengarah ( PTG )

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL: PTG.KN.4485/(96)  
BERTARIKH: 21 JAMADIL AKHIR. 1419H  
12 OKTOBER 1998**